

Headline	THT JUARA HATRIK BERGANDA		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	26 Sep 2016	Language	Malay
Circulation	171,663	Readership	563,000
Section	Sukan	Page No	39
ArticleSize	164 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 9,724		



PEMAIN-PEMAIN THT meraikan jaringan kedua ketika menentang Sapura dalam perlawanan akhir Piala TNB di Stadium Hoki Tun Razak, Kuala Lumpur semalam. THT menang 3-0.

THT JUARA HATRIK BERGANDA

KUALA LUMPUR 25 Sept. – Pasukan Hoki Terengganu (THT) dinobatkan sebagai juara Piala TNB kali ketiga berturut-turut selepas menewaskan Sapura 3-0 dalam perlawanan akhir di Stadium Hoki Tun Razak malam ini.

Ini adalah gelaran kedua diraih THT musim ini selepas menjuarai Liga Premier Hoki Malaysia (TNB-MHL) Ahad lepas. Kejayaan malam ini juga bermakna THT mencipta hatrik selaku juara berganda sejak 2014.

Tonggak utama THT, Azlan Misron berkata kemenangan tersebut diraih atas kerja keras pasukan sejak awal saingan liga.

“Syukur atas kemenangan ini, kami telah membuktikan pasukan kami berjaya memperbaiki segala kelemahan sehingga meraih kejuaraan Piala TNB.

“Malam ini pasukan kami telah bermain dengan amat baik dan ini adalah hasilnya,” katanya selepas

tamat perlawanan.

Selaku juara THT membawa pulang trofi dan hadiah kemenangan RM100,000 manakala naib juara Sapura menerima RM60,000.

THT memulakan perlawanan dengan baik dan mendahului seawal minit keenam menerusi pukulan sudut penalti pemain dari Korea Selatan, Jang Jong Hyun.

THT terus memberikan tekanan ke atas Sapura dan tidak menghadapi masalah menambah gol kedua hasil jaringan padang pemain dari Argentina, Nicolas Enrique pada minit ke-22.

Sapura dilihat cuba bangkit pada suku keempat namun beberapa percubaan mereka berjaya dihalang barisan pertahanan THT.

Sebaliknya, bekas pemain kebangsaan Korea Selatan, Jong Hyun menambah derita Sapura dengan menjaringkan gol ketiga perlawanan pada minit ke-51.